



KENYATAAN POLISI ANTI-RASUAH DAN KORUPSI

Great Eastern mengamalkan **pendirian toleransi-sifar** terhadap rasuah, korupsi dan sentiasa komited untuk menjalankan semua urusan dan hubungan perniagaan secara profesional, adil, berintegriti, jujur dan beretika.

Great Eastern melarang rasuah dan korupsi dalam urusan perniagaan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kecuali dalam situasi seperti yang dinyatakan dalam Polisi Anti-Rasuah dan Korupsi syarikat kami. Polisi ini menekankan kepentingan bagi semua Orang yang Bersekutu untuk sama-sama menentang, menangani dan bertanggungjawab dalam menguruskan risiko rasuah dan korupsi.

Semua Orang yang Bersekutu tidak boleh menawarkan atau menerima apa-apa yang bernilai bagi tujuan mempengaruhi sebarang tindakan, keputusan, urusan niaga atau untuk memperoleh kepentingan bagi pihak Great Eastern. Semua Orang yang Bersekutu hendaklah mematuhi prinsip-prinsip ini dalam melaksanakan apa-apa perkhidmatan untuk, atau bagi pihak Great Eastern.

Pelanggaran mana-mana peruntukan dan peraturan yang berkaitan tidak akan diterima dan akan dihukum, termasuk melalui tindakan tatatertib, penamatan kontrak dan dalam keadaan tertentu, kerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang dan pihak berkuasa yang berkenaan dalam sebarang pendakwaan berikutnya. Tindakan undang-undang selanjutnya juga boleh diambil sekiranya kepentingan Great Eastern telah terjejas.

Prinsip dan piawaian polisi Anti-Rasuah dan Korupsi Great Eastern

Ambil perhatian bahawa:

- Orang Bersekutu termasuk semua pekerja (sama ada sementara, kontrak dan tetap), pelatih, pengarah (termasuk ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Syariah), pegawai pengurusan atasan, perantara, rakan kongsi perniagaan, pembekal perkhidmatan, sukarelawan, atau mana-mana orang lain yang berkaitan dengan Great Eastern.
- Apa-apa yang bernilai tidak terhad kepada benda yang mempunyai nilai ekonomi, tetapi juga termasuk apa sahaja yang penerima dapati akan memberi kelebihan atau faedah termasuk, tetapi tidak terhad kepada wang tunai, hadiah, hiburan, makanan, insentif perjalanan, latihan, perniagaan, pekerjaan, peluang pelaburan, diskaun atau kredit peribadi, sumbangan politik atau amal dan lain-lain.
- Semua Orang Bersekutu:
 - a) harus mengelakkan situasi di mana kepentingan peribadi boleh bercanggah dengan kewajipan atau tugas profesional mereka dan tidak boleh menggunakan kedudukan mereka, waktu kerja rasmi, sumber dan aset syarikat, atau maklumat yang tersedia untuk keuntungan peribadi atau merugikan syarikat.
 - b) dilarang daripada menerima, atau meminta apa-apa bentuk suapan iaitu hadiah, hiburan, hospitaliti dan insentif pelancongan / perjalanan. Penerimaan rasuah atau hadiah sebagai dorongan atau ganjaran untuk perkhidmatan yang diberikan atau akan diberikan adalah satu kesalahan di bawah undang-undang.

- c) Sebarang sumbangan amal dan tajaan untuk atau bagi pihak Syarikat hendaklah dibuat dengan niat baik dan telus tanpa niat rasuah atau korupsi.
- d) sebarang permintaan untuk pembayaran kemudahan haruslah ditolak. Great Eastern mengamalkan polisi ketat untuk tidak membenarkan penggunaan pembayaran kemudahan dalam perniagaannya.
- e) sebarang sumbangan politik dan penglibatan dalam aktiviti politik bagi pihak Syarikat adalah dilarang sama sekali.

Sebarang kebimbangan anda yang berkaitan dengan pelanggaran isu di atas, atau sebarang perlakuan tidak wajar boleh dilaporkan melalui e-mel: <mailto:whistleblow@greateasternlife.com>